

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**SBW322 - Perindustrian dan Pembangunan Antarabangsa**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Semua soalan membawa penilaian markah yang sama, iaitu 100 markah.

- (1) Sektor perindustrian elektronik boleh dibahagikan kepada sekurang-kurangnya lima sektor kecil (*sub-sectors*) yang mengeluarkan barangan elektronik yang tertentu. Apakah barangan khusus yang dikeluarkan oleh setiap sektor kecil ini? Terangkan ciri-ciri perindustrian setiap sektor kecil ini dari segi buruh, teknologi dan prospek perkembangan di Malaysia.
- (2) Mengapakah pemerintah perlu campurtangan secara meluas untuk mempercepatkan proses pengindustrian Negara Lambat Mengindustrian (NLM)? Beri contoh bagaimana ekonomi pasaran bebas boleh dipengaruhi oleh dasar pemerintah dalam kes pembangunan Asia-Timur.
- (3) Huraikan maksud kenyataan-kenyataan berikut dengan memberi contoh dan maklumat yang sewajarnya:
  - a) *"If industrialization first occurred in England on the basis of invention, and if it occurred in Germany and the United States on the basis of innovation, then it occurs now among 'backward' countries on the basis of learning."* (Alice Amsden, 1989)

Terjemahan:

"Sekiranya perindustrian mula berlaku di England berdasarkan rekacipta, dan kemudian berlaku di Jerman dan Amerika Syarikat berdasarkan inovasi, kini perindustrian berlaku di negara 'mundur' melalui pembelajaran."

- b) "It is a myth that the free market was responsible for South Korea's success."  
(Chris Edwards, 1993)

Terjemahan:

"Adalah satu mitos bahawa pasaran bebas yang menentukan kejayaan Korea Selatan."

- c) "Multinationals continue to grow more rapidly than the world economy."  
(Martin Carnoy, 1993)

Terjemahan:

"Perbadanan Seantarabangsa terus berkembang lebih cepat dari ekonomi dunia."

- (4) Apakah perubahan-perubahan yang menggerak organisasi pembuatan untuk mengambil corak pengantarabangsaan yang lebih meluas? Seterusnya apakah lima arah-aliran (*trend*) pengantarabangsaan syarikat (modal asing dan tempatan) yang berlaku pada masa kini?
- (5) Secara kritis, bincangkan faktor-faktor dalaman serta perkembangan-perkembangan luaran yang telah mengakibatkan 'krisis kewangan Asia Timur 1997'. Pada pendapat anda, mungkinkah 'model pembangunan Asia Timur' kekal pada masa depan?
- (6) Peranan pemerintah dalam memajukan pengindustrian boleh dibahagikan kepada tiga fungsi iaitu pemudahan (*facilitation*), pengawalan (*regulation*) dan pelaburan langsung (*direct investment*).
- a) Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan fungsi-fungsi di atas.
- b) Bagaimanakah sesetengah fungsi di atas boleh bercanggah dengan satu sama lain apabila dasar pengindustrian diberi keutamaan?
- (7) Bincangkan bagaimana kemajuan teknologi perindustrian telah mengakibatkan perpindahan:
- a) Lokasi pembuatan dari Negara Maju ke Negara Sedang Membangun
- b) Pembentukan Pembahagian Baru Buruh Antarabangsa
- c) Kemunculan Perindustrian Fleksibel.